

13/03/1999

Bloomberg mahu tambah pelaburan di Malaysia

BLOOMBERG LP (Bloomberg), penyedia maklumat perniagaan dan kewangan antarabangsa, akan menambah pelaburan di Malaysia dalam bentuk infrastruktur dan pemindahan teknologi bagi memperluaskan operasi di negara ini.

Bloomberg sudah melabur RM3.8 juta setakat ini untuk meningkatkan infrastruktur bagi operasi berita, pengumpulan data dan pejabat jualan di Menara Berkembar Petronas, Kuala Lumpur.

"Kami bersedia mengembangkan perkhidmatan multimedia Bloomberg, dengan membawa perspektif Malaysia mengenai perkembangan ekonominya yang diteliti dan menarik perhatian dunia," kata Pengurus Bloomberg bagi Rantau Asia Pasifik, Ian Fallmann, pada sidang akhbar di Kuala Lumpur, semalam.

Pejabat baru Bloomberg yang berteknologi terkini dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Produk utamanya ialah Bloomberg Service, iaitu rangkaian maklumat kewangan mengikut waktu benar yang menggabungkan berita, data dan analisis untuk pasaran kewangan dan perniagaan.

Dengan pembesaran operasinya, Bloomberg kini memperkenalkan dua perkhidmatan baru di Malaysia iaitu segmen Bloomberg Malaysia menerusi Bloomberg Television.

(END)